

**MOBILITI SOSIAL DALAM INTERLOK KARYA
ABDULLAH HUSSAIN
*SOCIAL MOBILITY IN INTERLOK BY ABDULLAH HUSSAIN***

MISRAN ROKIMIN,
MAWAR SAFEI,
CHE ABDULLAH CHE YA

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk melihat keseluruhan novel Interlok karya Abdullah Hussain. Novel ini dijadikan teks Komsas tingkatan 5, bagi Zon Tengah iaitu Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan dan Melaka. Novel ini menjadi kontrovesi sehingga menimbulkan isu politik apabila ia mula disuarakan oleh seorang bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mengatakan terdapat isu sensitif di kalangan orang India kerana ada beberapa perkataan antaranya **paria** digunakan. Bagi melihat secara realistik, artikel ini cuba menelitinya berdasarkan pendekatan konsep mobiliti sosial seperti yang dijelaskan oleh Teng Chew Peh menerusi bukunya *Konsep Asas Sosiologi*. Dua dimensi mobiliti sosial iaitu mobiliti sosial secara mendatar (horizontal) dan mobiliti sosial secara menegak (vertical). Ternyata bangsa Melayu yang diwakili Keluarga Seman dalam novel ini, mobiliti sosialnya mendatar. Manakala Keluarga Cing Huat dan Keluarga Maniam walaupun berdasarkan sejarah mereka golongan pendatang, tetapi mobiliti sosialnya lebih baik iaitu bergerak secara menegak. Pengarang novel tidak berhasrat untuk menghina mana-mana kaum, tetapi menulisnya berdasarkan realiti masyarakat pada zaman itu. Benar seperti kata Hippolyte Taine seorang sarjana sastera Peranchis abad ke 19, untuk memahami sesebuah masyarakat itu lihat berdasarkan bangsa, waktu dan lingkungan (race, moment and milieu)

Kata Kunci: Interlok, Mobiliti Sosial, Komsas, Mobiliti menegak, Mobiliti mendatar.

ABSTRACT

This article aims to study the entire novel *Interlok* (Interlock) Work of Abdullah Hussain. This novel is used as a Form 5 Komsas text in the central zone, namely, Selangor, the Federal Territory, Negeri Sembilan and Malacca. This novel turned out to be controversial and caused political issues after an ex-Deputy Minister in the Prime Minister's Department indicated that there is sensitivity among the Indians as paria, among other words, were used. From a realistic perspective, this article attempts to analyze thoroughly the concept of social mobility based on Ting Chew Peh's explanation in his book "Basic Concepts of Sociology". There are two dimensions of social mobility, i.e. horizontal social mobility and vertical social mobility. The results of the analysis indicated that it was clear that the Malays, represented by the Seman family in this novel, have horizontal social mobility. On the other hand, Cing Huat family and the Maniam family, although historically are immigrants, but their social mobilities are better as they move vertically. It is not the intention of the novelist to insult any ethnic groups, but to write based on reality in the society then. This is in the line with the opinion of Hippolyte Taine, a French literature scholar in the 19 century that the understanding of a society has to be based on race, moment and milieu

Key Words: *Interlok*, social mobility, Komsas, Horizontal mobility and vertical mobility.

Pengenalan

Amat sedih apabila sebuah novel berjudul *Interlok* karya Abdullah Hussain yang telah dijadikan teks Komsas untuk pelajar tingkatan 5, telah didesak agar Kementerian Pelajaran menarik balik teks tersebut dengan alasan menyentuh sensitiviti kaum. Lanjutan daripada itu

timbul berbagai respon daripada para penggiat sastera, persatuan penulis, orang perseorangan yang menjelaskan bahawa novel tersebut baik untuk dijadikan teks di sekolah kerana kandungannya dapat menimbulkan kesedaran sejarah kepada anak-anak muda di sekolah yang hakikatnya tidak boleh ditolak. Inilah sebuah novel yang dianggap dapat memenuhi slogan satu Malaysia seperti yang diharapkan oleh kerajaan kita. Lantaran itu membaca sebuah novel perlu dibaca keseluruhannya daripada awal cerita sehinggalah akhir (ending) cerita tersebut. Membaca novel tidak boleh dibaca secara tebuk-tebuk dan petik-petik mana-mana perkataan atau frasa yang dianggap tidak cocok walhal istilah yang digunakan telah lama diketahui umum sejak dulu lagi. Ungkapan seperti Melayu bodoh (lihat *Kisah Pelayaran Abdullah* hal. 15, 75, 90) diucapkan oleh Abdullah Munshi, diterima secara positif oleh orang Melayu demi untuk mencapai kemajuan.

Sebuah novel adalah gambaran masyarakat. Plato berpendapat bahawa hasil seni itu adalah peniruan (imitation) daripada apa yang berlaku dalam masyarakat kemudian dicatat semula dalam bentuk kata-kata. Seorang ahli falsafah dan pengkritik sastera Perancis abad ke-19, Hippolyte Taine (1828 – 1893) (dalam Welleck, R & Warren, A. 1970) lihat juga Chung Yong-Rhim (1993), berpendapat bahawa penghasilan karya sastera dalam sesebuah masyarakat dapat dikesan menerusi tiga unsur iaitu ras, waktu dan lingkungan (race, moment end milieu). Novel *Interlok* melibatkan tiga unsur yang digabungkan melalui plot yang kemas dan meyakinkan. Novel ini memaparkan keadaan masyarakat pada awal abad ke 20 iaitu zaman kedatangan orang Cina ke Tanah Melayu, orang India dari selatan benua India dan orang Melayu yang menjadi penghuni asal Tanah Melayu. Disitulah digambarkan situasi sosial, ekonomi dan politik. Ketiga-tiga kaum ini hidup dalam kemiskinan akibat penjajahan Inggeris yang mengamalkan sistem pemerintahan pecah-perintah. Orang Melayu sebagai petani, orang Cina sebagai pengusaha dan orang India bekerja di estet.

Ketiga-tiga kaum ini berusaha meningkatkan taraf hidup untuk merubah penghidupan mereka daripada kehidupan yang kurang baik menjadi lebih baik. Maka berlaku proses **mobiliti sosial** ke atas ketiga-tiga kaum terutama bagi generasi kedua dan ketiga. Inilah sebenarnya yang ingin diangkat oleh pengarang dalam novelnya yang akan diulas di bawah ini. Sebelum menganalisis novel tersebut elok diberikan penjelasan konsep **mobiliti sosial** tersebut, kerana hal ini yang menjadi fokus penulisan novel ini sehingga dapat membina sebuah negara-bangsa, yang bernama Tanah Melayu selepas merdeka sehinggalah sekarang.

Mengikut Ting Chew Peh dalam bukunya Konsep Asas Sosiologi (1979), menjelaskan **mobiliti sosial** adalah satu proses perubahan individu atau kelompok daripada satu lapisan sosial kepada satu lapisan sosial yang lain dalam satu sistem stratifikasi sosial. Ia boleh terdiri daripada beberapa dimensi. Dimensi pertama melihat dari segi arah iaitu mobiliti boleh bercorak mendatar atau menegak (vertical/horizontal). Mobiliti mendatar ialah perubahan kedudukan sosial seseorang dalam kelas sosialnya tanpa perubahan dari segi hierarki, prestij dan jenis kelas sosialnya. Contohnya, pertukaran pekerjaan dari yang separuh mahir kepada yang mahir. Sementara mobiliti menegak pula ialah perubahan di antara kelas-kelas atau status seseorang individu atau masyarakat, sama ada dari yang ke atas atau ke bawah, yang melibatkan kenaikan atau penurunan status atau martabat seseorang individu.

Dimensi satu lagi ialah melihat dari segi masa iaitu dengan melihat mobiliti sosial sama ada yang berlaku dalam satu generasi tertentu atau daripada satu generasi ke generasi yang lain. Contohnya mobiliti yang dilalui oleh seorang individu sepanjang hayatnya, misalnya dari satu pekerjaan ke pekerjaan lain, atau mobiliti dari segi perubahan jenis kerja di antara anak dengan ayah, yang melibatkan kelas sosial atau martabat mereka, seperti anak seorang petani menjadi pensyarah atau pegawai tinggi polis. Bagi meneliti

kandungan novel *Interlok* ini diberikan sinopsis cerita.

Sinopsis

Pengarang menggunakan teknik mozaik (mosaic) dalam penceritaannya yang berpetak-petak iaitu mengandungi empat petak, dengan jalinan plot yang kemas dan rapi. Petak pertama pengarang menceritakan tentang keluarga Seman. Ayahnya Pak Musa dan ibunya Mak Limah. Mereka tinggal di Kampung Nyior Condong. Pak Musa bekerja sebagai petani dan memiliki tanah dusun yang agak luas. Lantas dia dianggap antara orang berharta di kampung itu. Rahsia pemilikan sawah dan dusun ini terbongkar apabila Pak Musa meninggal dunia. Seman dan ibunya diminta meninggalkan rumah dan tanah yang mereka diduduki oleh tauke kedai bernama Cing Huat (Panjang). Rupanya semua tanah sawah dan dusun tersebut adalah kepunyaan Cing Huat. Cing Huat mempergunakan Pak Musa untuk membeli tanah orang Melayu, kerana Cing Huat tidak boleh membeli tanah kepunyaan orang Melayu. Tanpa diketahui oleh Mak Limah dan Seman, antara Cing Huat dan Pak Musa telah membuat perjanjian bertulis agar tanah tersebut diberikan kembali kepada Cing Huat sekiranya Pak Musa meninggal dunia. Seman yang tidak tahu menulis dan membaca terpaksa meninggalkan kampung itu bersama ibunya.

Petak kedua menceritakan tentang keluarga Cing Huat. Cing Huat yang berusia 10 tahun dibawa oleh ayahnya bernama Kim Lock keturunan Hokien dari negara China (Tung San) datang Ke Rantau Selatan (Malaya) dengan menaiki kapal bersesak-sesak untuk mencari kehidupan baru. Apatah lagi faktor penolak di negaranya, kerana sudah beberapa musim sawah padinya tidak menjadi akibat bencana alam dan diserang oleh ribuan belalang. Tambahan pula pada ketika itu Paman Kok Leng yang pulang ke kampungnya yang menceritakan tentang kemudahan mencari wang di Rantau Selatan. Paman Kok Leng yang bertujuan untuk mencari pekerja yang sanggup bekerja di

Rantau Selatan, mempengaruhi Kim Lok untuk pergi ke sana. Soal tambang pengangkutan boleh dibayar apabila telah bekerja nanti. Kim Lok bersetuju dan berangkat bersama anaknya Cing Huat dengan meninggalkan isteri di kampung. Setelah beberapa minggu belayar, akhirnya kapal yang mereka naiki sampai di Singapura (Sin-cia-pu). Di Singapura, Kim Lok bekerja sebagai kuli di pelabuhan, bertukar kerja menjadi penarik lanca sementara anaknya Cing Huat menjadi pelayan di kedai kopi. Kerana hendak mencari pendapatan lebih, Kim Lok pergi belayar ke Melaka dengan bantuan seorang kenalannya dan akhirnya sampai di Lukut bekerja di lombong bijih. Dengan simpanan yang ada Kim Lok menuju ke Pulau Pinang untuk mencari peluang membeli tanah. Kemudian dia pergi ke Kedah dan sampai di daerah kecil bernama Simpang Empat. Di tempat itu dia membuka kedai runcit yang akhirnya menjadi maju, kerana kedai tersebut menjadi tumpuan para petani dan pekerja estet di sekitarnya. Masa terus berlalu, kedai runcit yang semakin besar ini diteruskan oleh Cing Huat yang telah berumah tangga dan mempunyai empat orang anak. Kim Lok tidak sempat menemui isterinya yang ditinggalkan di China(Tung San) kerana peperangan telah berlaku antara China dan Jepun pada ketika itu. Kim Lok akhirnya meninggal dunia akibat ketagihan candu kerana dipengaruhi oleh perempuan simpanannya Mei Hua yang akhirnya juga meninggal dunia. Cing Huat meneruskan hidup bersama isterinya bernama Tua Tao dengan empat orang anaknya, yang lelaki bernama Yew Hock dan Yew Seng, sementara yang perempuan bernama Poh Eng dan Poh Kheng.

Petak Ketiga, pengarang menceritakan keluarga Maniam. Maniam berasal dari desa Tricur Kerala, India. Maniam Pada ketika itu berusia 30 tahun datang ke Pulau Pinang atas kemahuannya sendiri kerana mendengar cerita beberapa orang kampungnya yang telah bekerja di Pulau Pinang, mudah mencari wang di sana. Maniam yang telah beristeri bernama Ambika, tetapi tidak mempunyai anak (anak sulungnya meninggal dunia) terpaksa meninggalkan isterinya

untuk mencari penghidupan baru dan berjanji akan mengirimkan wang setiap bulan. Di Pulau Pinang dia bekerja sebagai buruh pelabuhan. Setelah beberapa lama bekerja dia dapat mengirimkan wang menerusi rakannya bernama Pillay. Malangnya Pillay tidak menyampaikan wang tersebut kepada isterinya, menyebabkan akhirnya isterinya terpengaruh dengan pujukan Pillay untuk hidup bersamanya. Cerita ini di sampaikan oleh rakan sekampungnya bernama Raman yang datang ke Pulau Pinang. Maniam berasa kecewa kerana dia amat setia dengan isterinya lalu membawa diri ke Bagan Tuan Kecil dan bekerja di sebuah estet getah. Tidak Lama dia bekerja di estet tersebut Maniam berpindah bekerja di kebun milik orang Inggeris di Cangkat Lima. Di Estet getah ini dia bekerja dengan baik dan amat disayangi oleh tandil estet bernama Perumal. Maniam akhirnya berkahwin dengan Malini anak tandil Perumal. Namun rumah tangga mereka berkocak, kerana Suppiah yang kemudiannya bekerja di ladang yang sama membawa mulut menceritakan Maniam telah beristeri dan tidak bertanggungjawab terhadap isterinya. Berita tersebut sampai ke telinga Malini dan ayah mentuanya Perumal. Maniam yang tidak tahan dengan sindiran para pekerja estet terpaksa meninggalkan Malini yang amat dicintainya tambahan pula Malini pada waktu itu sedang mengandung anak pertama. Pada malam dia berangkat meninggalkan estet tersebut, dia diserang oleh beberapa orang yang memusuhinya sehingga pengan. Dia hanya tersedar apabila seorang Melayu bernama Musa menyelamatkannya. Meraka menjadi sahabat baik dan bekerja di Kebun Cangkat Janggus, sehinggalah Musa mengambil keputusan untuk berhenti dan pulang ke kampungnya dengan alasan untuk berkahwin.

Petak keempat merupakan peleraian cerita ini. Pengarang menceritakan ketiga-tiga kaum ini menerusi generasi kedua dan ketiga saling bantu membantu dan saling menjalani hidup bertoleransi. Ia dapat dilihat menerusi beberapa episod. Pengarang menggunakan latar semasa perang Jepun dan semasa darurat iaitu kebangkitan

Kominis Bintang Tiga. Diceritakan apabila Seman meninggalkan kampungnya Nyior Chondong dia bersama ibunya sampai ke Kebun Cangkat Janggus. Di situ dia bertemu Perumal yang menjadi tandil di estet tersebut. Semasa ditemu duga, Seman menceritakan asal usulnya dan nama ayahnya. Apabila Maniam mendengar nama ayah Seman iaitu Musa berasal dari Nyior Condong, Maniam teringatkan Musa yang telah menyelamatkannya selepas dia diserang. Maniam yang mengenang jasa ayah Seman terus menerimanya bekerja di ladang tersebut. Kerana peluang orang Melayu untuk bekerja di ladang amat terbatas kerana momokan Melayu malas oleh orang Inggeris.

Episod selanjutnya Maniam ditangkap oleh tentera Jepun, dia disoal siasat oleh seorang Inspektor muda bernama Ramakrisynan. Dalam sesi soal siasat akhirnya Maniam baru tahu bahawa Inspektor itu adalah anaknya yang ditinggalkan semasa dalam kandungan ibunya. Inspektor Maniam juga dapat menyelamatkan Mak Limah yang ditahan oleh Jepun. Apabila Jepun sampai di Kedah, tentera Jepun akan menangkap orang-orang yang disyakki menjadi ahli Bintang Tiga. Suatu malam Jepun datang ke kedai Cing Huat yang mengesyakki ada anaknya menjadi ahli Bintang Tiga. Poh Eng yang ketakutan lari keluar rumah dan diselamatkan oleh Seman lalu dibawa ke rumah tinggal bersama ibunya. Mak Limah akhirnya ditangkap Jepun kerana melindungi Poh Eng adik Yew Seng yang menjadi ahli Bintang Tiga. Nasib Mak Limah agak baik dia kemudian dilepaskan oleh Inspektor Ramakrisynan setelah diberitahu oleh ayahnya - Maniam, bahawa Mak Limah ialah ibu Seman anak kawan baiknya.

Kisah selanjutnya, apabila Inspektor Ramakrisynan menyelamatkan ayahnya Maniam, Yew Seng dan Poh Eng yang berhajat tidak ingin lagi menyertai pasukan Bintang Tiga. Hal ini berlaku apabila Jepun menyerah kalah, gerombolan kominis cuba berkuasa di Tanah Melayu. Inspektor Ramakrisynan yang ditugaskan oleh tentera British mengetuai serangan perkhemahan Bintang Tiga dan berjaya memusnahkan khemah gerombolan tersebut dan dapat

menyelamatkan bapanya, Yew Seng dan Poh Eng.

Episod terakhir digambarkan oleh pengarang tiga manusia dari tiga suku kaum yang sebelumnya hidup penuh konflik akibat hidup di bawah penjajahan Jepun, Kominis dan Inggeris sama-sama menyambut hari kemerdekaan di Kuala Lumpur. Seman, Yew Seng berserta rombongan diketuai oleh Raman yang aktif dalam persatuan bertolak ke Kuala Lumpur dan kedatangan mereka nanti akan disambut oleh Inspektor Ramakrisynan yang telah bertugas di Kuala Lumpur tinggal bersama ayahnya Maniam yang sudah tinggal menetap bersama anaknya. Pengarang mengakhiri cerita dengan suasana harmoni ketiga-tiga watak yang mewakili tiga kaum menyambut kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.

Mobiliti Sosial Tiga Kaum

Setelah memahami konsep **mobiliti sosial** dan perjalanan cerita, tulisan ini akan menganalisis berlakunya **mobiliti sosial** ke atas para watak yang dilalui keluarga Seman, keluarga Cing Huat dan keluarga Maniam. Pada permulaannya apa yang berlaku kepada keluarga Seman.

Watak Seman agak malang kerana dia buta huruf, tidak boleh membaca dan menulis. Ayahnya Pak Musa berfahaman sempit kerana tidak menghantar anaknya ke sekolah. Pak Musa sanggup menyorokkan Seman apabila cikgu sekolah di kampung Nyior Condong mencari kanak-kanak yang ingin bersekolah. Pak Musa hanya menghantar anaknya ke sekolah agama sahaja. Itupun pengajiannya tak ke mana sekadar boleh membaca alquran sahaja. Dari segi penghidupan pada permulaannya Seman agak senang kerana ayahnya dilihat mempunyai harta yang banyak. Orang-orang kampungnya juga beranggapan keluarga Seman orang berada. Namun apabila Pak Musa meninggal barulah rahsia Pak Musa terbongkar. Rupa-rupanya Pak Musa menjadi proksi kepada Tauke Cing Huat atau orang kampung

memanggilnya Si Panjang. Tauke Cing Huat memberi modal kepada Pak Musa untuk membeli tanah orang Melayu yang hendak dijual. Pak Musa boleh mengerjakan tanah sawah dan dusun itu dan hasilnya dibahagi dua. Selain itu Pak Musa dan Cing Huat membuat surat perjanjian, tanah tersebut perlu diserahkan kepada Cing Huat apabila Pak Musa meninggal dunia. Lantaran itu setelah Pak Musa meninggal dunia, Seman dan ibunya diminta oleh Cing Huat keluar dari tanah dan rumahnya. Mobiliti sosial dalam kehidupan Seman dan ibunya terus jatuh menjunam, menjadi seperti orang dagang – tidak bertanah dan dihalau keluar dari tempat tinggalnya. *Mereka diusir dari rumah seperti orang dagang* (hal. 298). Walaupun ada orang yang ingin membantu seperti Lebai Man dan rakannya Lazim yang sudah menjadi guru, namun sikap Seman yang keras hati, dan prinsipnya tidak mahu meminta belas kasihan dari orang lain, selagi ada kudratnya dia akan berusaha sendiri. Dia akhirnya keluar dari kampung itu dan bekerja di ladang getah Cangkat Janggus. Kebetulan Ladang Cangkat Janggus tempat ayahnya bekerja sebelum berkahwin dengan ibunya. Dengan bantuan tandil di kebun tersebut bernama Maniam yang merupakan rakan ayahnya yang menyelamatkan Maniam setelah dia diserang. Peristiwa ini menggambarkan betapa persahabatan yang ikhlas akan diingat sampai bila-bila. Seman yang berasa terhutang budi kepada Maniam kerana berjanji untuk mendapatkan pekerjaan di Ladang tersebut memuji sikap Maniam,

“Berulang-ulang Seman mengucapkan terima kasih kepada Maniam. Dia berasa sudahpun mendapat kerja. Dalam masa berjalan pulang itu dia berfikir sendirian, betapa hebatnya persahabatan antara orang yang berlainan bangsa yang sedemikian”. (hal. 297). Dalam hal ini persahabatan yang ikhlas tanpa mengira batas bangsa dan agama akan kekal sampai ke akhir hayat.

Hasil daripada pekerjaan yang dilakukan oleh Seman, dia dapat mengangkat kembali harga dirinya yang sudah tidak menjadi orang merempat. Dia berjaya mengumpul wang dan boleh mendapat apa yang dihajati. Setelah dua tahun bekerja di Ladang Cangkat Janggus, dia kembali ke kampungnya bertujuan menziarahi rakan-rakan sekampungnya. Lebai Man dan rakan-rakan yang lain kagum dengan penampilan Seman yang sudah ceria dan hidup senang. Lebai Man mengusiknya sekiranya dia belum berkahwin Lebai Man boleh meminang anak Mat Rangi bernama Gayah untuk dijadikan isteri. Seman masih beralih kerana dia tidak layak untuk mengahwini Gayah kerana ayahnya orang kaya. Namun akhirnya Lebai Man memberanikan hati menemui Mat Rangi dan isterinya untuk meminang Gayah. Pada mulanya Mat Rangi dan isterinya menolak, tetapi akhirnya Mat Rangi bersetuju menerima pinangan Seman, kerana memikirkan Gayah pun sudah semakin berumur, sementelahan rakan sekampungnya, Upik anak Lebai Man yang disukai Seman dulu pun sudah beranak pinak setelah berkahwin dengan cikgu Lazim.

Setelah Seman berkahwin dengan Gayah, Seman dan ibunya kembali semula ke kampung Nyior Gading yang telah lama ditinggalkan. Dengan perkahwinan tersebut status sosial Seman telah naik kerana berkahwin dengan Gayah anak tunggal Mat Rangi. Mat Rangi yang dianggap kaya di kampung itu, mempunyai lot tanah sawah dan dusun yang luas akan mewarisi peninggalan Mat Rangi kelak. Walau bagaimanapun, dari segi mobiliti sosial, pergerakan hidup Seman bergerak secara mendatar (horizontal), dari seorang anak petani, menjadi pekerja ladang dan terus menjadi petani tetapi petani yang hidup agak senang lantaran berkahwin dengan Gayah anak orang berada. Status sosialnya meningkat pada pandangan masyarakat kerana Seman dan ibunya tidak hidup merempat, malahan telah hidup senang dengan membina keluarga bahagia.

Bagi keluarga Cing Huat walaupun kaum pendatang dari negeri China, kehidupan mereka lebih mewah. Mobiliti sosialnya bergerak dari mendatar (horizontal) dan kemudiannya bergerak menegak (vertical). Mengimbau sejarah kedatangan mereka, sewaktu Cing Huat datang bersama ayahnya Kim Lock dari negeri China umurnya waktu itu 10 tahun. Setelah sampai di Singapura, ayahnya Kim Lock bekerja sebagai kuli mengangkat barang di pelabuhan, kemudian bertukar kerja sebagai penarik lanca. Sementara Cing Huat bekerja sebagai pelayan di kedai kopi dengan gaji lima sen sehari. Kedua-dua pekerjaan itu tidak begitu menjanjikan kehidupan yang baik. Berbekalkan sedikit wang simpanan, mereka menaiki tongkang menuju ke Melaka. Dari Melaka mereka ke Lukut dan bekerja di sebuah lombong bijih. Bekerja di lombong bijih juga tidak lama, Kim Lock ingin mencari penghidupan yang lebih baik, lalu mereka kemudian menuju ke Pulau Pinang. Setelah beberapa bulan di Pulau Pinang, dengan wang simpanan yang ada mereka menuju ke suatu tempat di tanah besar (Kedah) bernama Simpang Empat. Di pekan kecil itulah mereka membuka kedai runcit, dan akhirnya kedai mereka menjadi bertambah besar dan maju kerana menjadi tumpuan kepada para petani dan pekerja estet di daerah tersebut (hal. 196).

Setelah Kim Lock meninggal dunia akibat ketagihan candu, Cing Huat mewarisi perniagaan ayahnya bersama isteri bernama Tua Tao dan mempunyai empat orang anak. Cing Huat yang digelar Panjang oleh penduduk daerah itu menggunakan Pak Musa untuk membeli tanah kepunyaan orang Melayu. Akhirnya Cing Huat menjadi kaya raya dan dikenali oleh seluruh penduduk di daerah tersebut. Impian Kim Lock- ayahnya, untuk mencari wang sebanyak mungkin akhirnya tercapai seperti katanya,

“Macam-macam. Nanti kalau kita sudah ada duit kita buka kedai runcit sendiri dan lu boleh jaga. Kita panggil lu punya ibu ke mari. Sekarang kita mesti cari wang banyak-banyak”

(hal.150). Berkat usaha mereka, keluarga Cing Huat telah menjadi orang terkenal kerana kekayaannya.

Ternyata status sosial keluarga Cing Huat bergerak daripada bekerja sebagai kuli meningkat naik menjadi pengusaha kedai runcit yang kaya. Pergerakan mobiliti sosialnya jadi menegak (vertical) dan status sosial dalam hirarki masyarakat dipandang mulia dan dihormati. Walaupun kadang-kadang tindakan Cing Huat itu menyinggung perasaan orang Melayu seperti tidak membenarkan anak-anaknya berkawan dengan anak-anak orang Melayu (hal. 198). Melakukan penindasan ke atas Seman apabila dia dihalau dari tempat tinggalnya. Anaknya Yew Seng yang berfikiran terbuka tidak setuju dengan tindakan ayahnya. Malah sanggup berhujah dengan ayahnya seperti petikan berikut,

“Tapi bapa Seman sudah banyak jasa pada papa. Apakah papa tak kasihan pada Seman dan ibunya?”

“Kita tak boleh kasihan pada orang, kita hanya boleh kasihan pada diri kita sendiri. Orang tolong sama kita, kita bayar dan kita tak ada hutang budi apa-apa lagi. Lu mengerti?”

“Tapi ini bukan soal hutang budi, ini soal peri kemanusiaan. Kita harus ada timbang rasa sesama manusia, lebih-lebih lagi pada orang yang sudah menolong kita, sampai kita jadi senang seperti sekarang,” jawab Yew Seng seraya bangun dari meja itu mahu ke belakang. (hal.207).

Sikap Yew Seng dan Adiknya Poh Eng, mewakili sikap generasi muda yang lebih toleran kerana mereka dilahirkan di negara ini. Tidak seperti ayahnya yang masih berpegang kepada pemikiran lama yang mewarisi pemikiran ayahnya Kim Lock yang menganggap orang Melayu tidak pandai berniaga hanya tahu membeli (hal. 169). Poh Eng yang mempunyai pendidikan menasihati ayahnya,

“sekarang ini kita tak boleh berkeras seperti dulu lagi. Papa mesti tengok pada perubahan yang sedang berlaku di sekeliling kita” (hal.397).

Kesan daripada pandangan kedua-dua orang anaknya itu sedikit demi sedikit memberi kesedaran kepada Cing Huat apabila menyedari bahawa kekayaannya yang diperolehinya selama ini adalah sokongan daripada para petani, pekerja ladang dan penduduk sekitarnya. Cing Huat melakukan hal yang baik terhadap masyarakatnya dengan mengeluarkan banyak wang untuk membangunkan sekolah Cina bagi kepentingan komuniti Cina di Simpang Empat. Kerana jasanya dia diangkat menjadi ketua persatuan orang Cina dan mula berhubungan dengan persatuan orang Melayu yang diketui Lazim (seorang guru) bagi merangka strategi untuk menuntut kemerdekaan.

Selanjutnya bagi keluarga Maniam, mobiliti sosialnya juga begitu baik, bergerak dari mendatar (horizontal) menuju ke atas (vertical). Sebagaimana yang diceritakan dalam novel, Maniam datang Ke Pulau Pinang sewaktu berumur 30 tahun. Di kampungnya, Tricur, Kerala, dia bekerja sebagai petani dan telah beristeri, malangnya anak pertama yang dilahirkan meninggal dunia. Maniam tertarik dengan cerita rakan sekampungnya yang telah bekerja di Pulau Pinang. Sewaktu pulang ke kampung mereka menceritakan, di Pulau Pinang mudah mencari wang. Maniam mengambil keputusan berangkat ke Pulau Pinang meninggalkan isterinya dan berjanji akan mengirim wang setiap bulan apabila dapat kerja sebagai nafkah hidupnya.

Setelah berada di Pulau Pinang dia bekerja sebagai buruh pelabuhan mengangkat barang-barang yang berlabuh untuk di simpan di gudang. Maniam yang gigih bekerja dapat menyimpan wang untuk dihantar kepada isterinya di India. Malangnya dia dikhianati oleh rakan sendiri bernama Pillay, kerana wang tersebut tidak disampaikan kepada isterinya. Sebenarnya Pillay yang mengambil wang tersebut.

Malahan Pillay telah memujuk Ambika melupakan suaminya kerana dia tidak mengirinkan wang. Ambika yang terpengaruh dengan pujuk rayu Pillay lantas mengikut Pillay. Cerita tersebut diperolehi daripada Raman rakan sekampung yang baru sampai dari Tricur, Kerala.

Betapa hancurnya hati Maniam apabila mendapat berita tersebut. Dia mengambil keputusan pergi ke seberang, dan bekerja di sebuah Ladang Bagan Tuan Kecil. Dia tidak lama bekerja di situ lalu berpindah ke sebuah ladang milik orang putih di Cangkat Lima. Maniam bekerja dengan tekun dan dia merupakan pekerja yang rajin. Sifatnya itu memikat hati seorang tandil di ladang tersebut, bernama Perumal. Perumal tinggal di ladang tersebut bersama anaknya Malini. Malini telah bertunang malangnya tunangnya meninggal dunia. Perumal akhirnya bersetuju untuk mengahwinkan anaknya dengan Maniam. Setelah mereka berkahwin, Maniam amat menyayangi Isterinya Malini bagai menatang minyak yang penuh, tambahan pula Malini sedang mengandung anak mereka yang sulung.

Namun malang bagi Maniam, rumahtangganya terganggu apabila orang kampungnya bernama Suppiah dan Syanmugam yang baru bekerja di Ladang Cangkat Lima, membawa cerita Maniam sudah beristeri dan meninggalkan isterinya tanpa diberi wang. Ceritanya itu menggambarkan Maniam suami yang tidak bertanggungjawab. Cerita ini diketahui oleh seluruh pekerja ladang dan akhirnya sampai ke pengetahuan isteri dan Perumal. Bagi menyelesaikan kemelut ini Perumal menasihatkan Maniam agar meninggalkan ladang untuk sementara waktu. Maniam menerima nasihat ayah mentuanya, lalu pada waktu malam dia keluar dari ladang tersebut. Ketika itulah dia diserang oleh sekumpulan pekerja yang tidak menyukainya. Dia akhirnya diselamatkan oleh Musa (Pak Musa), lantas mereka menjadi sahabat baik dan sama-sama bekerja di ladang Cangkat janggus, sehinggalah Musa berhenti kerja dengan alasan untuk berkahwin.

Masa terus berlalu, Maniam yang dulunya kuli sudah menjadi tandil di ladang tersebut. Sebagai seorang yang dianggap berpengaruh

di Ladang itu, Maniamlah yang mengambil Seman anak Pak Musa yang menyelamatkannya hampir 20 tahun lalu untuk bekerja di Ladang tersebut apabila Seman dan ibunya dihalau oleh tauke Cing Huat. Apabila Jepun menyerang Tanah Melayu, Maniam ditangkap Jepun lalu dipenjarakan. Seorang pegawai polis yang bekerja dengan Jepun bernama Ramakrisynan menyoal siasat Maniam. Di situlah terbongkar kisah bahawa Ramakrisynan itu anaknya yang ditinggalkan sewaktu dalam kandungan. Ramakrisynan tinggal bersama datuknya Perumal setelah ibunya Malini meninggal dunia. Pertemuan yang menyayat hati ini diakhiri dengan kebahagiaan apabila Ramakrisynan membebaskan ayahnya sendiri.

Jika diteliti dari sudut sosial, kehidupan Maniam beralih daripada kehidupan yang susah dan menghadapi berbagai ujian akhirnya hidup senang bersama anaknya yang berjawatan sebagai Inspektor Polis. Mereka akhirnya tinggal di Kuala Lumpur kerana Ramakrisynan telah bertugas di sana. Status sosial Maniam juga meningkat daripada mendatar ke arah menegak. Bermula hidup sebagai petani sewaktu di Kerala dan dianggap berkasta rendah, bekerja sebagai buruh ketika di Pulau Pinang dan di ladang getah, menjadi tandil, dan khirnya statusnya menuju ke arah menegak yang merupakan ayah seorang Inspektor Polis yang amat dihormati masyarakat pada waktu. Nasib anaknya amat baik, walaupun dia dibesarkan oleh datuknya Perumal setelah ibunya meninggal dunia, dia menerima persekolahan yang baik seperti petikan berikut,

“Malah cucu Perumal, Ramakrisynan, ditolongnya sampai ke sekolah Inggeris. Sekarang Rama sudah menjadi pegawai polis” (hal.353).

Untuk seorang anak buruh estet dapat bersekolah Inggeris pada zaman itu amat disanjung tinggi. Inilah kelebihan Perumal, sebagai tandil yang baik dia disayangi oleh pengurus ladang berbangsa Inggeris dan

sanggup menghantar Ramakrisyan ke sekolah Inggeris. Lantaran itu mobiliti sosial mereka amat bagus dan status sosial keluarga Maniam dihormati.

Kesimpulan

Berdasarkan huraian di atas, jelas pengarang novel ini menggambarkan masyarakat pada awal abad ke dua puluh sehinggalah negara mencapai kemerdekaan. Nasib Seman walaupun penduduk asal Tanah Melayu, namun berada dalam mobiliti social yang bergerak mendatar - tidak berubah. Dilahirkan sebagai anak petani, dihalau dari tempat tinggalnya, buta huruf dan terus menjadi petani. Cuma nasibnya agak baik kerana mengahwini Gayah anak Mat Ranggi yang terkenal di kampung Nyior Condong sebagai orang berharta. Justeru dia tidaklah mewarisi kemiskinan ayahnya yang menjadi orang suruhan seorang tauke Cina bernama Cing Huat.

Hal ini berbeza dengan keluarga Cing Huat dan keluarga Maniam, walaupun mereka pendatang dari China dan India tetapi nasib mereka amat baik, status sosialnya bergerak dari mendatar ke arah menegak. Cing Huat akhirnya menjadi kaya, diangkat sebagai pemimpin bagi kaumnya dan dihormati masyarakat kerana kemurahan hatinya menderma wang untuk membina sekolah menyebabkan status sosialnya amat dihormati. Perubahan sikapnya daripada membenci orang Melayu menjadi rakan yang baik kerana dia memikirkan wang yang banyakpun tidak boleh dibawa pulang ke negara asalnya, kerana di sinilah negara tempat dia mencari rezeki dan tempat anak-anaknya dilahirkan.

Begitu juga dengan keluarga Maniam datang dari Kerala, India, bekerja sebagai buruh, bekerja di estet, difitnah, akhirnya menjadi tandil dan status sosialnya menanjak naik apabila dia berjumpa dengan anaknya Ramakrisyan yang ditinggalkan sejak dalam perut ibunya dua puluh tahun lalu. Akhirnya anak tersebut

memegang jawatan sebagai Insperktor polis yang amat dihormati oleh masyarakat.

Itulah novel *Interlok* yang mengangkat isu sosial menerusi watak-watak daripada tiga kaum di negara ini yang dibina dengan jalinan plot yang begitu rapi. Benarlah sebagaimana pandangan Taine sekiranya untuk mengetahui sesebuah masyarakat itu lihatlah novel yang dihasilkan oleh masyarakat tersebut berpandukan tiga elemen, ras, waktu dan persekitaran (race, moment, milieu). Gambaran yang dikemukakan pengarang adalah gambaran masyarakat Tanah Melayu sebelum mencapai kemerdekaan, yang dipecah perintah oleh penjajah. Namun akhirnya ketiga-tiga kaum tersebut bersatu demi memperjuangkan kemerdekaan. Pengarang amat teliti dan banyak menggunakan pengalamannya sebagai seorang wartawan pada tahun-tahun 50an, pergaulannya dan pembacaannya sebagai sumber berkarya.

Walaupun novel ini telah dihasilkan lebih kurang 40 tahun lalu, isunya masih tetap relevan hingga sekarang, bagi menanam kesedaran sejarah tentang kehidupan rakyat negara ini, sebagai asas pembinaan negara bangsa. Akhirnya kini dengan banyak program penyusunan masyarakat (social engineering) daripada para pemimpin terdahulu dan sekarang pemikiran sempit yang menguasai diri pada waktu dulu sudah tidak lagi wujud kerana masing-masing kaum di negara ini telah mencapai penghidupan sosial yang agak baik dari sebelumnya.

Justeru sekiranya ada gelaran, istilah, gaya hidup yang buruk, hilang tanpa disedari dengan sendirinya. Umpamanya bagi orang Jawa yang datang ke Tanah Melayu dahulu, sering dipanggil **Jawa kontrak**, kerana menjadi kuli kontrak dengan Belanda kemudiannya berpeluang datang ke Tanah Melayu akhirnya berjaya membina kehidupan sosial yang baik. Istilah **Jawa kontrak** atau **Melayu bodoh** seperti digelar oleh Abdullah Munsyi pun sudah hilang secara tidak sedar. Namun ini tidak menimbulkan kemarahan kepada orang Jawa

atau orang Melayu tetapi diambil secara positif. Walau bagaimanapun kita tidak boleh melupakan sejarah, kerana sejarah tetap tercatat dan tidak boleh dinafikan, dan ia digunakan untuk pengajaran bagi membina kehidupan manusia, masyarakat dan negara akan datang. Benarlah seperti ucapan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran Malaysia Tan Sri Muhyiddin Yassin pada hari penyampaian Hadiah Sastera Perdana Malaysia dan Hadiah Sastera MASTERA pada 30 November 2010 menegaskan,

“sastera dijadikan instrumen penting bagi mewujudkan semangat kekitaaan ‘esprit de corp’ di kalangan rakyat dalam usaha untuk membina sebuah negara bangsa yang bersatu padu”.

Justeru karya sastera perlu dilihat pada sisi yang positif yang penuh dengan nilai murni di dalamnya. *Interlok* adalah sebuah novel yang sarat dengan **nilai kemanusiaan di samping mengangkat status sosial manusia** yang digambarkan menerusi watak berbagai kaum yang dijalin secara harmoni dan indah.

Rujukan

- Abdullah Hussain. 2010. *Interlok* (Edisi Pelajar). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah b. Abdul Kadir Munshi. 1960. *Kisah Pelayaran Abdullah*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Chung Yong-Rhim. 1993. *Novel-Novel Awal Di Semenanjung Melayu (1926 – 1941): Suatu Penyataan Identiti*. Dalam Ainon Abu Bakar (edt.) *Telaah Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ting Chew Peh. 1979. *Konsep Asas Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wellek, R & Warren, A. 1970. *Theory of Literature*. New York: Harcourt, Brace & World Inc.